



Pelihara mutu, ethikal wartawan — Dr.M

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Mahathir Mohamad berkata malam ini bahawa terdapat sebuah akhbar di negara ini menggunakan cara yang tidak ethikal untuk menambah penjualannya.

"Akhbar ini menggunakan tajuk-tajuk berita sensasional yang tidak ada kena mengena dengan isi berita yang disiarkan," katanya.

Berucap kepada kira-kira 200 orang wartawan di majlis makan malam yang menyertai Seminar Jurnalisme Malaysia di sini, Dr. Mahathir berkata cara seperti itu tidak harus dilakukan kerana mutu kewartawanan yang tinggi perlu dikekalkan di negara ini.

Katanya bidang kewartawanan adalah suatu senjata yang mempunyai pengaruh besar terhadap sesuatu golongan dan juga alam sekeliling.

"Para wartawan mempunyai kedudukan yang penting dalam membentuk masyarakat melalui pena mereka dan oleh itu harus meneliti sesuatu sebelum menulis," katanya lagi.

Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani ketika menutup seminar petang tadi berkata jurnalisme hendaklah jangan dijadikan alat untuk kepentingan satu-satu pihak dalam usaha menunjukkan sikap radikal dan membuktikan kuasa bebas pemberita dan akhbar.

Menurutnya memang tidak dapat dinafikan akhbar mempunyai peranan sebagai pengkritik atau "pressure group", tetapi peranan ini hendaklah dilaksanakan dengan tujuan membina.

Befiau berkata matimat yang hendak dicapai ialah supaya menerusi jurnalisme dapat diperbaiki cara kerja dan pentadbiran, mempertingkatkan kesedaran politik di kalangan rakyat, membantu pemimpin masyarakat dan memperbaiki perjuangan mereka dan berbagai perkara lagi.

Datin Paduka Hajjah Aishah berkata satu perkara yang mesti diingat ialah mengikis segala sentimen yang boleh membawa unsur menghancurkan.

■ **MENTERI** Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani sedang berbual dengan para hadirin di Seminar Jurnalisme selepas merasmikan upacara penutupnya di Hotel Merin, Kuala Lumpur semalam.

Di sebelah kiri ialah Encik Alias Ali dari Bernama manakala di belakang Datin Paduka Hajjah Aishah ialah Encik Abdullah Hussein dari Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar Berita Harian.

62
3/80